



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PPP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**31 MAC 2023 (JUMAAT)**




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**31 MAC 2023 (JUMAAT)**



KASUT berjenama yang dibeli Veerapan di sebuah pusat beli-belah di ibu negara Februari lalu pada harga M600. - Gambar NSTP/AHMAD HASBI

# Baru pakai dua kali

*Exco fail tuntutan ganti rugi menerusi TTPM kasut dibeli rosak tak boleh diganti baharu*

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

### Seremban

Sebuah kedai kasut di ibu kota 'kepanasan' selepas seorang pekerja didakwa bersikap kurang mesra kepada Exco Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan apabila enggan menggantikan kasut baharu yang dibelinya selepas dikesan mengalami kerosakan.

S Veerapan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Repah itu bertekad memfailkan tuntutan ganti rugi menerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kerana tidak berpuas hati terhadap kualiti kasut-sukan berjenama yang dibelinya dari kedai berkenaan.

Katanya, beliau membeli kasut berkenaan di sebuah pusat beli-belah di ibu negara pada Februari lalu pada harga kira-kira RM600.

Beliau bagaimanapun meluahkan rasa kecewa apabila jahanjian be-nang pada

sebelah kasut itu sudah terkeluar sebelum meminta kakitangan kedai itu menggantikannya dengan yang baharu.

"Ketika ke kedai berkenaan untuk menggantikan kasut lain, saya dimaklumkan kakitangan premis terbabit bahawa kasut itu tiada jaminan (*warranty*) dan kakitangan enggan melakukannya.

"Apa yang lebih dikesalkan mereka mendakwa saya memakainya dengan kasar, saya syak kasut itu mungkin stok lama," katanya semalam.

Veerapan berkata, beliau sempat memakai kasut berkenaan sebanyak dua kali sahaja sebelum mendapati ia rosak.

"Layanan pekerja kedai itu juga tidak mesra pelanggan. Justeru, saya akan memfailkan kes menerusi TTPM dalam masa terdekat untuk menuntut ganti rugi ke atas pembelian kasut berkenaan," katanya.

Selain kepenggunaan, Veerapan turut memegang portfolio Kesihatan, Alam Sekitar dan Koperasi.

**Kasut berkenaan  
dibeli di ibu negara  
pada Februari lalu  
pada harga RM600**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)**

---

---

**31 MAC 2023 (JUMAAT)**



## Lapan Inisiatif SSM Pada Tahun 2023 Bantu Pemulihan Ekonomi Negara Pasca Pandemik COVID-19

**D**asar pemulihan ekonomi pasca COVID-19 yang dilaksanakan kerajaan dilaporkan berada di landasan tepat dengan hasil yang memberangsangkan untuk melonjakkan semula ekonomi negara.

Selari dengan usaha kerajaan dalam membantu ke arah pemulihan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengumumkan tiga inisiatif pengurangan kompaun dan meneruskan lima lagi inisiatif sedia ada dengan beberapa penambahbaikan, menjadikan bilangan keseluruhan lapan inisiatif SSM pada tahun 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz berkata inisiatif pertama melibatkan pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal ke atas syarikat yang berstatus 'dissolved' di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016.

"Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan pengarah dan syarikat yang telah tutup," katanya.

Beliau berkata, bagi inisiatif kedua, SSM memperkenalkan pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 2016.

"Pengurangan kompaun ini diberikan kepada syarikat selepas pematuhan terhadap kegagalan atau kesalahan diambil tindakan oleh pihak syarikat. Pengurangan kompaun hanya diberikan bagi kesalahan lazim di bawah Seksyen 68(1), Seksyen 248(1), Seksyen 258(1), Seksyen 259(1), Seksyen 340(1), Seksyen 30(1) dan Seksyen 30(2) Akta Syarikat 2016.

Pelaksanaan inisiatif baharu ini diharap dapat membantu komuniti korporat untuk meneruskan perniagaan di dalam persekitaran perniagaan yang mencabar."

Bagi inisiatif ketiga, Nor Azimah menerangkan bahawa SSM meneruskan pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965.



Datuk Nor Azimah Abdul Aziz  
 Ketua Pegawai Eksekutif SSM

**"**Inisiatif ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 agar kekal beroperasi dan menjaga ekonomi negara

"Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan data yang disimpan berhubung entiti syarikat di dalam pendaftaran SSM adalah terkini dan juga bagi mendorong syarikat mematuhi amalan tadbir urus terbaik khususnya serah simpan Penyata Kewangan serta maklumat terkini di SSM. Di samping itu, ia juga meringankan beban kewangan syarikat-syarikat ke arah pemulihan ekonomi negara dalam fasa peralihan ke endemik."

Beliau berkata, lanjutan daripada pengumuman tersebut, SSM juga meneruskan lima lagi inisiatif sedia ada dengan beberapa penambahbaikan, menjadikan bilangan keseluruhan lapan inisiatif SSM pada tahun 2023.

"Bagi inisiatif keempat, SSM melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2023 dan memperluaskan penggunaan Kod QR SSM BizTrust kepada entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) berdaftar yang boleh diperolehi secara automatik.

"Bagi inisiatif kelima, SSM meneruskan pelaksanaan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang diperkenalkan pada tahun 2021 untuk menewatkan pendaftaran



OKU menceburi bidang perniagaan secara sah.

Nor Azimah berkata bagi inisiatif ketujuh, SSM akan meneruskan cadangan pindaan bagi menambahbaik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan.

"Penambahbaikan serta pindaan ini akan membolehkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat yang bersesuaian agar syarikat boleh terus beroperasi. Inisiatif ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 agar kekal beroperasi dan menjaga ekonomi negara. Rang Undang-Undang ini juga akan memperkenalkan peruntukan mengukuhkan polisi berhubung kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang komprehensif.

perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa. Pada tahun 2023, syarat SPPP diperluaskan kepada pasangan suami dan isteri usahawan B40 untuk menggalakkan isi rumah usahawan kumpulan tersebut menjadikan perniagaan sebagai salah satu sumber pendapatan dalam mendepani cabaran ekonomi masa kini."

Tambah beliau, bagi inisiatif keenam, SSM meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menyediakan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan secara percuma bagi menggalakkan golongan

Melalui inisiatif kelapan pula, SSM akan meneruskan cadangan untuk memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Peruntukan-peruntukan ini bertujuan untuk menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi entiti Perkongsian Liabiliti Terhad."



## Salahkah main kutu?



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
 COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

"Main Kutu" secara berkumpulan adalah satu kaedah mengumpulkan wang dalam kalangan ahli kumpulan yang terdiri daripada ahli keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan. "Main Kutu" ini sudah lama berasimilasi sebagai salah satu subbudaya dalam masyarakat Malaysia tanpa mengira bangsa.

Jadual 2 (Bahagian 1(d)(k) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 mengiktiraf pengumpulan wang kutu dalam kalangan sahabat atau keluarga tidak termasuk sebagai aktiviti pengambilan deposit yang perlu dilisenkan di bawah Seksyen 137 akta yang sama dengan syarat kumpulan kutu tidak melebihi 10 orang.

Ahli dalam kumpulan kutu ini dipanggil sebagai pemain atau 'anak kutu' dan pihak yang mengetuai atau mengendalikan wang antara ahli kumpulan pula digelar 'ibu kutu'. Mengikut perjanjian bersama antara pemain, duit akan dikumpulkan oleh ibu kutu daripada setiap pemain dalam tempoh yang ditetapkan dan kemudian, kutipan itu akan

diberikan kepada pemain mengikut giliran, berdasarkan cabutan atau undi.

**Kewujudan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 bukanlah untuk menghalang sesiapa daripada bermain kutu. Akta ini divujudkan untuk melindungi aktiviti wang kutu daripada disalahgunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan wang kutu sebagai suatu perniagaan untuk menipu orang awam.**

Wang kutu ini adalah cara yang digunakan oleh kebanyakan pemain kutu untuk mengumpulkan wang tunai yang banyak pada satu-satu masa. Bagi pemain, wang ini antara lain bertujuan membuat pembayaran insurans tahunan kenderaan, perbelanjaan untuk sambutan perayaan dan pembelian barangan sekolah anak-anak. Selaras dengan perubahan masa dan teknologi, aktiviti kumpulan kutu kini juga telah diperluas untuk mengumpul duit bagi membeli barangan seperti telefon bimbit, barangan elektronik, emas dan barangan lain.

Persoalannya, adakah bermain kutu itu salah? Di bawah Akta (Larangan)

Kumpulan Wang Kutu 1971 yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pendaftaran sesuatu perniagaan, syarikat dan juga pelesenan sesuatu perniagaan yang menganjurkan wang kutu adalah dilarang. Oleh itu, menganjur, mengiklankan atau mempromosikan, serta mengutip wang orang lain bagi tujuan membina rangkaian dan menyertai skim kutu boleh menjadi suatu kesalahan di bawah akta ini, dan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjara tidak melebihi 10 tahun jika didapati bersalah.

SSM telah beberapa kali melaksanakan pendakwaan di mahkamah ke atas individu dan juga entiti korporat berdaftar dengan SSM, yang didapati menjalankan aktiviti kumpulan wang kutu.

Kumpulan wang kutu boleh menjerus kepada pelanggaran undang-undang apabila ibu kutu mengenakan bayaran tertentu atau yuran keahlian kepada pemain kutu untuk menyertai kumpulan kutu anjurannya. Begitu juga, jika ibu kutu meminta bayaran kepada pemain yang memilih giliran tertentu atau mendapatkan giliran awal. Sekiranya hal ini terjadi, aktiviti ini boleh dikira sebagai satu bentuk perdagangan yang mendatangkan keuntungan dan bertakluk kepada takrifan perniagaan.

Pemain juga adalah dilarang mengambil sebarang keuntungan daripada wang yang telah dikumpulkan. Contohnya, jika kita bermain kutu RM100 sebulan selama 12 bulan, maka apabila tiba

**Di bawah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pendaftaran sesuatu perniagaan, syarikat dan juga pelesenan sesuatu perniagaan yang menganjurkan wang kutu adalah dilarang.**

giliran pemain mendapat wang kumpulan kutu, jumlah wang tersebut mestilah RM1,200 tepat tanpa sebarang pengurangan atau sebarang faedah tambahan.

Mutakhir, "main kutu" didapati telah menjadi salah satu cara untuk memperdayakan orang awam sehingga melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Contohnya, walaupun duit sudah dibayar mengikut giliran yang ditetapkan, namun apabila sampai masa menerima wang terkumpul, ibu kutu menghilang. Ada juga pemain yang sudah mendapat giliran wang kutu

awal dan tidak meneruskan komitmen membayar seperti yang dijanjikan.

Bagi memastikan anda tidak 'main kutu' yang boleh diklasifikasikan sebagai melanggar undang-undang dan juga tidak menjadi mangsa penipuan main kutu, pastikan tiada bayaran yang dibuat ke atas akaun bank perniagaan atau syarikat. Ingat, adalah menjadi kesalahan di bawah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 jika mana-mana perniagaan, syarikat dan juga pelesenan sesuatu perniagaan terlibat dengan aktiviti kumpulan kutu.

Selain itu, aktiviti kumpulan wang kutu ini tidak boleh diiklankan atau dipromosikan kepada orang ramai tidak kira dalam media sosial, media cetak ataupun aplikasi komunikasi seperti WhatsApp dan Telegram. Paling penting, silalah beringat supaya tidak 'main kutu' dengan ibu kutu atau pemain kutu yang tidak dikenali.

Kewujudan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 bukanlah untuk menghalang sesiapa daripada bermain kutu. Akta ini divujudkan untuk melindungi aktiviti wang kutu daripada disalahgunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan wang kutu sebagai suatu perniagaan untuk menipu orang awam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**31 MAC 2023 (JUMAAT)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 31 MAC 2023**

| TARIKH | TAJUK                                                      | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                    | MEDIA           |
|--------|------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 31-Mar | KPDN terima 283 aduan, pantau 17,920 premis                | <a href="https://youtu.be/">https://youtu.be/</a>                                                                                                                                                                                                                         | HM              |
| 31-Mar | KPDN terima 283 aduan, pantau 17,920 premis                | <a href="https://www.thesundaily.my/home/ops-pantau-17920-premises-inspected-nationwide-kpdn-">https://www.thesundaily.my/home/ops-pantau-17920-premises-inspected-nationwide-kpdn-</a>                                                                                   | THESUNDAILY     |
| 31-Mar | KPDN periksa 17,920 premis menerusi Ops Pantau             | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1084054/kpdn-terima-283-aduan-pantau-17920-premis">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1084054/kpdn-terima-283-aduan-pantau-17920-premis</a> | BH              |
| 31-Mar | KPDN periksa 17,920 premis menerusi Ops Pantau             | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-periksa-17920-premis-menerusi-ops-pantau-413358%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-periksa-17920-premis-menerusi-ops-pantau-413358%3famp=1</a>   | ASTROAWANI      |
| 31-Mar | 7,920 premis diperiksa sejak pertama Ramadan               | <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/17920-premis-diperiksa-sejak-pertama-ramadan/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/17920-premis-diperiksa-sejak-pertama-ramadan/</a>                                                                                         | KOSMO           |
| 31-Mar | Telur kurang sebab ramai orang buat kuih – Fauziah         | <a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/30/telur-kurang-sebab-ramai-orang-">https://malaysiagazette.com/2023/03/30/telur-kurang-sebab-ramai-orang-</a>                                                                                                               | MALAYSIAGAZETTE |
| 31-Mar | KPDN terima 283 aduan, pantau 17,920 premi                 | <a href="https://youtu.be/yqWzSk7-aWl">https://youtu.be/yqWzSk7-aWl</a>                                                                                                                                                                                                   | BH              |
| 31-Mar | OPS PANTAU: 17,920 PREMISES INSPECTED NATIONWIDE           | <a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2177711">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2177711</a>                                                                                                                                               | BERNAMA         |
| 31-Mar | Ops Pantau: Hampir 18,000 premis diperiksa tempoh seminggu | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/</a>                                                                                                                                                   | SH              |
| 31-Mar | 17,920 checks conducted nationwide under Op Pantau         | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/894655/17920-checks-conducted-nationwide-under-op-pantau">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/894655/17920-checks-conducted-nationwide-under-op-pantau</a>   | NST             |



|        |                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |            |
|--------|------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 31-Mar | 283 aduan harga barang naik dalam tempoh seminggu lalu                 | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/283-aduan-harga-barang-naik-dalam-tempoh-seminggu-lalu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/283-aduan-harga-barang-naik-dalam-tempoh-seminggu-lalu/</a>                                                                                       | UM         |
| 31-Mar | Bekalan telur masih mencukupi, anggaran kekurangan hanya 10-15 peratus | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bekalan-telur-masih-mencukupi-anggaran-kekurangan-hanya-10-15-peratus/">https://www.buletintv3.my/nasional/bekalan-telur-masih-mencukupi-anggaran-kekurangan-hanya-10-15-peratus/</a>                                                                         | BULETINTV3 |
| 31-Mar | 'Kekurangan telur 10 hingga 15 peratus hanya bagi gred A,B,C'          | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1084013/kekurangan-telur-10-hingga-15-peratus-hanya-bagi-gred-abc">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1084013/kekurangan-telur-10-hingga-15-peratus-hanya-bagi-gred-abc</a> | BH         |
| 31-Mar | 'Kekurangan telur 10 hingga 15 peratus hanya bagi gred A,B,C'          | <a href="https://youtu.be/v2KkfJalHAW">https://youtu.be/v2KkfJalHAW</a>                                                                                                                                                                                                                                   | HM         |
| 31-Mar | Cubaan seleweng diesel bersubsidi gagal                                | <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/cubaan-seleweng-diesel-bersubsidi-gagal/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/cubaan-seleweng-diesel-bersubsidi-gagal/</a>                                                                                                                                   | KOSMO      |